




PEMASANGAN kulit kambing pada badan atau rangka daripada kayu pokok durian dilakukan dengan kemas bagi pembuatan jidor.



MOKHTAR (kanan) dan anaknya, Mohd. Haziq meneruskan legasi pembuatan kompang dan jidor yang diwarisi daripada bapa Mokhtar di Parit Sumarto, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

‘Gegaran’ jidor hasilkan muzik *bass* indah

DURIAN sudah pastinya sinonim dengan masyarakat Malaysia dan apabila tiba musimnya, peminat tegar 'berebut-rebut' mengintai lokasi untuk menikmati aroma, tekstur serta variasi rasa raja buah itu.

Kepelbagaian sebegini pastinya menjadi buruan sang penggemarnya untuk benar-benar merasakan kepuasan daripada buah bermusim itu di bumi bertuah ini.

Namun, seorang pencinta seni pembuatan alat muzik tradisional Melayu yang menetap di Parit Sumarto, Parit Raja, Batu Pahat, Johor tidak menjadikan raja buah itu sebagai buruannya, sebaliknya batang pokok durian. Batang pokok durian merupakan bahan utama untuk menghasilkan peralatan kesenian muzik yang dikenali sebagai jidor.



Oleh
**MOHD.
SHARKAWI
LONDING**

Jidor merupakan salah satu alat muzik tradisional yang dikatakan berasal dari Kepulauan Jawa, Indonesia dan tergolong dalam kumpulan gendang.

Menurut pengusaha kompang dan jidor, Mokhtar Abdul Hamid, 43, jidor dalam masyarakat Melayu khususnya di 'tanah hujung' yang makmur, Johor Darul Takzim merupakan pelengkap kepada muzik kompang.

"Di Johor ini, kalau main kompang untuk meraikan raja sehari, keraian, atau pertandingan rasa macam tidak lengkap tanpa jidor.

"Jidor ibarat dram dalam muzik moden sekarang ini. Ia menghasilkan



KAYU pokok durian digunakan dalam pembuatan jidor kerana tahan lasak.

bunyi bass yang 'sedap' seiring dengan paluan kompang, rasa gegarannya mampu menaikkan bulu roma kita," katanya ketika ditemui *Panorama* di kediamannya di Batu Pahat baru-baru ini.

Menurut bapa empat cahaya mata ini, untuk menghasilkan jidor yang berkualiti, dua material utamanya ialah kayu untuk menghasilkan 'body' gendang serta kulit kambing.

Ujarnya, kayu daripada batang

pokok durian merupakan pilihan terbaik untuk dijadikan rangka gendang jidor kerana keras, tahan lasak, tidak mudah pecah serta mudah mendapatkan bahan tersebut.

Kata lelaki dilahirkan di Kampung Tonjos, Pekan Jabi, Segamat itu, dia pernah gunakan kayu lain termasuk kayu pulai, namun kualitinya agak rendah dan mudah pecah.

"Kayu durian ini senang dapat di sekitar kampung ini. Kami beli dengan penduduk kampung sekitar dengan harga lingkungan RM30 hingga RM40 yang sudah siap dipotong.


"Kayunya juga kita boleh dapat dalam pelbagai saiz, ada kecil, sederhana dan besar, sebab jidor yang kita buat pun saiz berbeza-beza," kongsi.

Seterusnya, kayu yang telah dipotong mengikut saiz jidor 14 inci, 16 inci dan 18 inci ditebuk terlebih dahulu pada bahagian tengah dengan menggunakan peralatan moden iaitu mesin penebuk kayu.

Usai ditebuk, kayu durian ini akan dijemur selama kira-kira tiga minggu sebelum dipasang kulit kambing.

Mokhtar berkata, kulit kambing tua yang berusia lebih dua tahun dan tebal adalah pilihan terbaik kerana tidak mudah koyak selain berupaya hasilkan 'kesedapan' bunyi bass jidor.

Jelas lelaki itu, jika kulit nipis atau kulit kambing muda, ia lebih sesuai



Jidor ibarat dram dalam muzik moden sekarang ini. Ia menghasilkan bunyi bass yang 'sedap' seiring dengan paluan kompang, rasa gegarannya mampu menaikkan bulu roma kita."

MOKHTAR